

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR (KSKR)

**Adakah anda seorang yang kreatif? Sertai cabaran ini.
KSKR menjemput semua warga Jabatan untuk menyertai Pertandingan
mencipta Logo yang akan digunapakai oleh KSKR.**

A. SPESIFIKASI

1. Rekacipta hendaklah dihantar dalam bentuk cetakan di atas kertas A4 (ukuran 21cm x 29.7cm) dan dilekatkan pada kertas tebal atau "*mounting board*"
2. Juga disediakan di dalam bentuk 'softcopy', format *.psd, *.jpeg atau *.tiff dengan resolusi resolusi minimum 1280 x 960.
3. Setiap rekacipta logo hendaklah disertakan dengan maksud ringkas bagi setiap simbol dan warna yang digunakan.
4. Rekacipta hendaklah menggunakan tidak melebihi 5 warna (tidak termasuk hitam dan putih).
5. Semua ciptaan hendaklah asli dan TULEN dan ASLI, bukan plagiat/'copycat' dari mana-mana logo lain.
6. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas;

B. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warga JPBD Negeri Selangor sahaja.
2. Semua rekaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak KSKR. Rekaan boleh digunakan semula oleh KSKR tanpa sebarang syarat. Logo yang terpilih, pihak KSKR berhak meminda atau membuat penambahbaikan ke atasnya.
3. Rekacipta dibolehkan secara 'free hand' atau menggunakan grafik komputer.
4. Penyertaan adalah PERCUMA. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.

5. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah sahaja.
6. KSKR tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan, kerosakan atau apa-apa kos bahan lukisan yang dihantar oleh peserta.
7. Keputusan pertandingan akan dibuat oleh PANEL PENILAI yang dilantik oleh KSKR dan keputusan adalah MUKTAMAD. Sebarang surat menyurat atau aduan tidak akan dilayan. Panel penilai berhak mengubahsuai dan meminda rekabentuk karya, sekiranya perlu.
8. Pemenang akan dimaklumkan di dalam perhimpunan Jabatan bulan Ogos 2012.
9. Penyertaan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan Borang Penyertaan seperti di Lampiran A.
10. Tarikh tutup penyertaan adalah **31 Julai 2012 jam 4.00 petang**

C. HADIAH PERTANDINGAN

1. Pemenang utama akan menerima wang tunai RM100.00 dan Sijil Penghargaan.
2. Dua (2) hadiah saguhati dan sijil penghargaan untuk tempat ke-2 dan ke-3.
3. Walau bagaimanapun, KSKR berhak untuk tidak memilih pemenang di kalangan peserta pertandingan sekiranya panel penilai memutuskan tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang.

*Penyertaan hendaklah dihantar kepada :
Urusetia Pertandingan Mencipta Logo
Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan JPBD Negeri Selangor,
Pertanyaan boleh dikemukakan kepada En. Mohd Khairil Neezam b Mohd Saari
atau e-mail kepada neezam@jpbdselangor.gov.my*

LAMPIRAN A

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO KSKR JPBD NEGERI SELANGOR

A. BUTIRAN PESERTA

NAMA : _____

NO. K/P : _____

BAHAGIAN : _____

NO. TELEFON : _____

EMEL : _____

B. CADANGAN LOGO

1. LAMPIRAN LOGO (HENDAKLAH PADA KERTAS
SAIZ A4) DAN SOFTCOPY

2. PENERANGAN RINGKAS LOGO DAN JENAMA
(DILAMPIRKAN).

C. PENGAKUAN PESERTA

Adalah dengan ini saya memperakukan bahawa penyertaan hasil karya saya ini adalah asli dan tidak dihantar ke mana-mana pertandingan seumpunya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua bentuk tindakan daripada mana-mana pihak terhadap saya yang berkaitan dengan hasil karya saya. Saya juga bersetuju bahawa jika saya terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik KSKR dan tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Nota : Sila gunakan HURUF BESAR sahaja

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA
<i>Tarikh Terima Penyertaan :</i> _____
<i>No. Daftar :</i> _____